

Kuota 30% rumah mungkin dilonggar

Oleh
ABUL RAZAK DIN

KUALA LUMPUR 20 Feb. — Kerajaan mungkin akan melonggarkan syarat pemberian kuota 30 peratus rumah bumiputera sekiranya sesuatu projek perumahan itu tidak dibeli dalam tempoh yang ditetapkan.

Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, bagaimanapun pemaju-pemaju perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan sebelum kuota berkenaan dijual kepada orang lain.

“Kita maklum bahawa terdapat sesuatu projek yang tidak dibeli oleh bumiputera dan ekoran itu kita tidak mahu mereka menanggung kerugian akibat daripada tidak dibeli atau tidak mendapat sambutan,” katanya ketika menjawab soalan seorang peserta Majlis Dialog Perdagangan dan Perindustrian di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) sini hari ini.

Dialog itu disertai oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Rafidah Aziz.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab laporan akhbar hari ini bahawa Persatuan Perumahan Malaysia (HDA) mendesak di-

hapuskan 30 peratus pemberian kuota rumah untuk bumiputera.

Mengenai desakan supaya pengurusan Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) diletakkan di bawah pentadbiran Kementerian Sains dan Teknologi dan Alam Sekitar, Dr. Mahathir berkata, perkara tersebut tidak timbul sama sekali kerana fungsi sesuatu jabatan berkenaan tidak akan berubah sekalipun terletak di kementerian lain.

Pada masa kini RRIM diletakkan di bawah Kementerian Perusahaan Utama.

“Tidak ada bezanya bertukar kementerian sementara polisinya masih sama,” katanya.

Ketika diminta mengulas mengenai harga getah tinggi sekarang yang memberi kesan kepada industri sampingan beliau berkata, semua pihak harus akur bahawa kenaikan harga komoditi negara adalah kesan dari kesilapan negara lain dan ekoran dari kenaikan ini juga maka penoreh getah yang mendapat keuntungan.

“Kita patut bersyukur kerana harga getah tidak naik begitu lama dan kita tidak tahu bila tempoh ini dapat bertahan,” katanya.

Untuk itu beliau meny-

arankan semua industri yang terlibat supaya mengawasi segala perkembangan dan menyesuaikan supaya semua pihak mendapat manfaat darinya.

“Kita tidak mahu menjajaskan mana-mana industri apabila kenaikan harga ini berlaku dan untuk itu semua yang terlibat perlu

mengawalnya di mana yang patut,” katanya.

Ketika ditanya oleh seorang peserta sama ada kerajaan akan mengenakan Cukai Nilai Tambah (VAT) pada belanjawannya, beliau berkata, kerajaan tidak akan melaksanakan VAT kerana ia bukanlah satu cara yang popular untuk

mengutip wang dari rakyat.

“Kerajaan menganggap pengenaan cukai VAT bukanlah satu cara yang popular dan kita tidak akan melaksanakannya,” katanya.

VAT adalah sejenis cukai yang dikenakan kepada pengguna hasil sesuatu pembaharuan atau ciptaan.